


Merapatkan Jurang Genomik Dan Bakat Di Antara BGI Group Dan Universiti Chulalongkorn: Visi Profesor Nattiya Hirankarn

SHENZHEN, CHINA, June 13, 2024 /EINPresswire.com/ -- Dalam bidang sains dan teknologi, dengan sempadan pengetahuan yang semakin berkembang, pemupukan saintis masa depan menjadi tunggak kepada kemajuan. Di barisan hadapan misi ini ialah tokoh bernama Profesor Nattiya Hirankarn, Dekan Bersekutu bagi Hal Ehwal Siswazah di Fakulti Perubatan, Universiti Chulalongkorn, dan pengarah berwawasan bagi "Program Latihan Bakat BGI X Chula." Kepakaran beliau dalam bidang imunologi dan genetik, telah meletakkannya sebagai tokoh terkemuka di universiti di serata Thailand serta landskap akademik yang lebih luas.



Prof. Nattiya Hirankarn, Dekan Bersekutu bagi Hal Ehwal Siswazah di Fakulti Perubatan, Universiti Chulalongkorn, dan pengarah berwawasan bagi "Program Latihan Bakat BGI X Chula."

Pada awal tahun 2023, Memorandum Persefahaman perintis di antara BGI Group dan Fakulti Perubatan di Universiti Chulalongkorn telah ditandatangani. Kerjasama ini melambangkan komitmen untuk mendorong penyelidikan genomik dan pembangunan bakat di Thailand, memajukan penyelidikan saintifik dan memupuk generasi saintis yang akan datang.

"Saya telah mendengar tentang BGI lebih daripada 20 tahun yang lalu," kata Profesor Hirankarn. Sebagai Ph.D. Siswazah, hasil kerja beliau dalam bidang genetik telah mendorong hubungan dengan BGI Group, nama yang sinonim dengan perkhidmatan penyelidikan perintis dalam genomik. "Apabila kami mendengar bahawa BGI mempunyai program yang menjalinkan kerjasama dengan institut akademik di Thailand, kami sangat teruja menjadi sebahagian daripada mereka," jelasnya.

Jalinan kerjasama ini bukan sekadar pertukaran akademik semata-mata; ia adalah program

komprehensif yang direka untuk menyediakan pengalaman praktikal dalam teknologi termaju kepada para pelajar. Profesor Hirankarn menekankan tentang kepentingan pembelajaran secara praktikal. Para pelajar berkehendakkan pengalaman dunia sebenar dan tidak sabar-sabar untuk memahami peluang kerjaya yang luas yang menanti mereka, bukan sahaja di Thailand tetapi di peringkat global.

Apa yang membezakan "Program Latihan Bakat BGI x Chula" ialah pendekatan inklusif, melangkaui Fakulti Perubatan untuk merangkumi pelbagai disiplin dalam universiti. Ia merupakan usaha kerjasama yang melibatkan Fakulti Sains, Sains Kesihatan Bersekutu, Sains Farmaseutikal dan Sains Veterinar. Pendekatan pelbagai disiplin ini memastikan pelajar dari pelbagai bidang mendapat pendedahan kepada genomik, membuka pelbagai laluan kerjaya.

Kerjasama ini telah pun membuah hasil di mana dua orang saintis BGI telah dilantik sebagai profesor adjung di Universiti Chulalongkorn, menawarkan kepakaran dalam penyelidikan sel stem, perubatan regeneratif dan bioinformatik. Jalinan kerjasama akademik ini dipertingkatkan lagi dengan peluang untuk pelajar melawat kemudahan BGI di China, disokong oleh syarikat tersebut. "Ini adalah sebahagian daripada cara pengajaran baharu yang kami gelar sebagai pembelajaran berasaskan pengalaman," kata Profesor Hirankarn. Pelajar memperoleh pengalaman yang tidak ternilai dengan menyelami pusat genomik dunia sebenar, melangkaui sempadan bilik darjah.

"Kami bukan sekadar akan menghantar pelajar untuk mengusahakan projek di bawah seorang profesor di BGI. Matlamat kami adalah untuk menjadi rakan kongsi sebenar dalam melakukan projek penyelidikan bersama-sama," kata Profesor Hirankarn dalam menerangkan rancangannya untuk perkongsian yang melangkaui sempadan akademik tradisional. Rancangan ini sudah mula mengorak langkah, bergerak dari rancangan semata-mata menuju ke arah realiti. Perjanjian penting telah dimeterai di antara BGI Group dengan Fakulti Perubatan di Universiti Chulalongkorn untuk memulakan projek dalam penyelidikan omik spatiotemporal dan pembangunan bagi profesional mahir. Satu lagi usaha kerjasama dalam penyelidikan kanser kolon juga sedang dijalankan.

"Program Latihan Bakat BGI x Chula" menjadi bukti kuasa kerjasama dalam memajukan pengetahuan saintifik dan memupuk bakat, menjanjikan masa depan di mana kemajuan teknologi dan potensi manusia berjalan seiring. Melalui kepimpinan dan kerjasama beliau dengan BGI Group, Profesor Hirankarn bukan sahaja mencorak masa depan penyelidikan genomik di Thailand tetapi juga menempa laluan untuk generasi saintis akan datang.

Klik untuk menonton video: <https://en.genomics.cn/en-video-6929.html>

Richard Li
BGI Group
[email us here](#)

Visit us on social media:

[Facebook](#)

[X](#)

[LinkedIn](#)

This press release can be viewed online at: <https://www.einpresswire.com/article/719574338>

EIN Presswire's priority is source transparency. We do not allow opaque clients, and our editors try to be careful about weeding out false and misleading content. As a user, if you see something we have missed, please do bring it to our attention. Your help is welcome. EIN Presswire, Everyone's Internet News Presswire™, tries to define some of the boundaries that are reasonable in today's world. Please see our Editorial Guidelines for more information.

© 1995-2024 Newsmatics Inc. All Right Reserved.